

U B733 MAD
MAHATHIR - PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 21 JUN (BERNAMA) -- CADANGAN MEMINDA AKTA PILIHAN RAYA UNTUK MENYEKAT SESEORANG WAKIL RAKYAT DARIPADA BERTANDING SEMULA SELEPAS MELETAKKAN JAWATAN TANPA ALASAN MUNASABAH SEDANG DIKAJI OLEH PEGUAM NEGARA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENEMUI +PENGGEMAR+ DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA, ENCIK LEONG CHEE KONG DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MEMINTA PEGUAM NEGARA MENKAJI SAMA ADA BOLEH MEMBATAL ATAU MENGHALANG SESEORANG WAKIL RAKYAT YANG MELETAK JAWATAN TANPA ALASAN YANG MUNASABAH UNTUK BERTANDING SEMULA.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENEMUI ENCIK LEONG, 55, YANG BERASAL DARI TANGKAK, MUAR SELAMA KIRA-KIRA 45 MINIT DI BILIK RIHAT, DEWAN NEGARA. ENCIK LEONG TELAH MENGHADIRI SETIAP PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA SEJAK 1964.

APABILA DITANYA APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN ALASAN YANG MUNASABAH, PERDANA MENTERI MENJAWAB: +MATI, SAKIT ... TETAPI KALAU BOLEH BUAT UCAPAN KEMPEN, TAK MUNASABAHLAH+.

KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN LAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PEGUAM NEGARA MEMERLUKAN MASA UNTUK MENKAJI CADANGAN PINDAAN AKTA ITU. -- LAGI
2001MST 21 06 89

U B756 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN TIDAK MEMBERITAHU TARIKH CADANGAN PINDAAN AKTA ITU DIKEMUKAKAN KEPADA PEGUAM NEGARA.

MENGENAI MESYUARAT TAHUNAN BAHAGIAN DAN CAWANGAN UMNO, PERDANA MENTERI, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA BADAN PERHUBUNGAN-UMNO NEGERI TELAH DIBERI KUASA UNTUK MENGATASI MASALAH YANG WUJUD.

APABILA DITANYA SAMA ADA ANGGOTA-ANGGOTA YANG MENGEMUKAKAN RESIT YURAN KEANGGOTAAN BOLEH MENYERTAI MESYUARAT ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, PERHUBUNGAN UMNO NEGERI TELAH DIBERI KUASA MENYELESAIKAN MASALAH TERSEBUT.

ENCIK LEONG YANG CACAT PENGLIHATAN TELAH MENYAMPAIKAN HASRATNYA UNTUK MENEMUI PERDANA MENTERI KEPADA YANG DIPERTUA DEWAN RAKYAT, TAN SRI MOHAMED ZAHIR HAJI ISMAIL DAN GEMBIRA DAPAT MENEMUI PERDANA MENTERI.

BELIAU, YANG BERNIAGA BISKUT DI SINGAPURA, AKAN DATANG KE KUALA LUMPUR SETIAP KALI PARLIMEN BERSIDANG KERANA +MINAT SAYA KEPADA UNDANG-UNDANG DAN POLITIK+.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU TAN SRI MOHAMED ZAHIR DAN SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT, DATUK WAN ZAHIR SHEIKH ABU BAKAR. -- BERNAMA
2005MST 21 06 89